

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

FALSETTO DAN HEAD VOICE
KEPENTINGAN SERTA KEGUNAANNYA

TESIS INI DIKEMUKAKAN
KEPADA FAKULTI SENI PERSEMBAHAN
SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT IJAZAH SARJANA MUDA MUZIK

OLEH

KHAIFIZAH BT. ABDUL HALIM

95969141

SHAH ALAM, SELANGOR

SESSI JUN 99

SINOPSIS

Falsetto dan *head voice* adalah dua teknik yang berbeza yang digunakan di dalam nyanyian. Walaubagaimanapun kefahaman mengenai kedua teknik ini tidak begitu memuaskan. Ini adalah disebabkan kurangnya pendedahan teknik nyanyian dengan cara yang betul.

Sehubungan dengan ini, penulis cuba menerangkan kepentingan serta kegunaan teknik *falsetto* dan *head voice* di dalam menghasilkan nyanyian yang berkualiti. Kajian ini juga bertujuan untuk memberi panduan kepada pelajar dan juga penyanyi agar dapat menyedari betapa pentingnya penggunaan teknik *falsetto* dan *head voice* di dalam nyanyian.

Walaupun ada di antara penyanyi di Malaysia yang menggunakan kedua-dua teknik ini di dalam nyanyian mereka, tapi kebanyakannya tidak mengetahui teknik nyanyian yang mereka gunakan. Selain itu kerana kurangnya pengetahuan dalam menghasilkan sebuah teknik nyanyian yang betul mengakibatkan kualiti nyanyian yang dihasilkan banyak kelemahannya, contoh yang ketara adalah dari segi pernafasan. Seperti yang diketahui peranan pernafasan adalah penting di dalam menghasilkan nyanyian yang baik.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bersyukur ke hadrat Illahi, kerana dengan izinNya dapat saya menyiapkan tesis ini walaupun terpaksa menempuhi segala dugaan dan cabaran yang mendatang. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penasihat, Pn. Ghaziah Ghazali yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya.

Tidak lupa juga penghargaan buat Prof. Dr. Amin yang banyak memberikan informasi berkenaan kajian ini di samping itu saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Bapak Suhaimi Nasution sekeluarga. Kepada guru yang banyak membimbing saya, Kak Inan, thank's for your guidance and help. Kepada Kak Marina, terima kasih. Buat orang perseorangan yang sempat ditemubual dalam memperlengkapkan tesis ini, terima kasih diucapkan.

Penghargaan ini juga ditujukan buat keluarga tercinta, mak dan abah (maaf sebab tak balik kampung, nak siapkan tesis). Kepada Along, Angah, Ambul, Ina, Intan, dan adik-adik tersayang, terima kasih segalanya. Jasa kalian tidak dilupakan. Seterusnya buat mama, jadda, aden dan imah, terima kasih yang tidak terhingga. Buat sahabat-sahabat tersayang terutamanya Rita dan Amy, at last kita siapkan juga tesis ini dan akhir sekali buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih.

KHAIFIZA ABD HALIM
INSTITUT TEKNOLOGI MARA,
SHAH ALAM.

DAFTAR KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
DAFTAR KANDUNGAN.....	iii
SENARAI RAJAH	v
SENARAI GAMBARAJAH	vii
GLOSSARI	viii
Bab.	
1.	
PENDAHULUAN	1
Pengenalan	
Tujuan Kajian	
Kaedah Kajian	
Skop Penyelidikan	
Organisasi	
2. <i>FALSETTO DAN HEAD VOICE</i>	7
Definisi <i>Falsetto</i>	
Penghasilan <i>Falsetto</i> Tanpa Sokongan <i>Register</i>	
Penghasilan <i>Falsetto</i> Dengan Sokongan <i>Register</i>	
Pengkelasan <i>Falsetto</i>	
Definisi <i>Head Voice</i>	
3. SISTEM ANATOMI PENGHASILAN SUARA DAN KRITERIA-KRITERIA PENTING DALAM MENG- HASILKAN NYANYIAN YANG BERMUTU	22

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Suara merupakan anugerah Tuhan yang sangat penting dan berharga bagi setiap insan. Ia sangat istimewa dan berbeza antara satu sama lain contohnya dari segi jenis suara. Ada suara yang serak (*hoarse*), kering (*husky*), basah (*wet*), licin (*smooth*), dan merdu (*melodious*). Suara adalah asas kepada alat-alat muzik dan selepas itu diikuti dengan bunyi-bunyian yang terhasil dari pemikiran primitif masyarakat dahulu kala seperti tepukan tangan, badan dan kemudian barulah wujud alat-alat muzik yang moden seperti gitar, flute, trombone, dan lain-lain lagi yang dihasilkan melalui kebijaksanaan pemikiran manusia. Suara bukan sahaja digunakan bagi tujuan bercakap sehari-hari tetapi juga untuk menyanyi, samada sekadar menghibur hati ataupun menjadikan nyanyian sebagai profession seseorang itu.

Terdapat ramai insan di dunia ini yang dikurniakan dengan suara semulajadi yang sangat baik dan merdu, tidak kira samada lelaki ataupun perempuan. Ia adalah satu kelebihan bagi mereka, tetapi jika mereka tidak menggunakan kelebihan suara mereka dengan cara yang betul atau kata lainnya menggunakan teknik nyanyian yang betul, lama-kelamaan suara mereka mungkin akan hilang mutunya. Nyanyian dengan teknik yang betul akan memberikan satu kepuasan kepada seseorang penyanyi.